Abū Muslim l-Khurāsānī[1]

Kerajaan Banī Umaiyah telah lenyap di Sham, untuk digantikan pula oleh kerajaan Banī ‘Abbās di Baghdad. Tetapi kalau bukan dengan usaha seorang penganjur bangsa Parsi dari Khurāsān, iaitu Abū Muslim al-Khurāsānī, tidaklah selekas itu kekuasaaan Banī Umaiyah berpindah ke tangan Banī ‘Abbās.

Tak Mungkin Ada Dua Pemimpin

Adalah menjadi suatu kelaziman, bahawa di dalam suatu pemerintahan, tak mungkin ada dua orang yang sama-sama besar dan sama-sama mempunyai pengaruh serta kekuasaaan di kalangan rakyat, apa lagi kalau yang seorang melihat yang lain lebih banyak pengaruhnya.

Demikian pulalah yang terjadi di zaman pemerintahan Banī ‘Abbās itu. Jika Banī ‘Abbās beroleh kemenangan disebabkan usaha Abū Muslim al-Khurāsānī, sudah tentu Banī ‘Abbās tidak akan dapat kedudukan yang seperna[2] selagi Abū Muslim masih tetap ada. Ini ialah melihat kepada besarnya pengaruh penganjur bangsa Parsi itu.

Abū Ja’far al-Manṣūr (Khalīfah kedua Banī ‘Abbās) iaitu datuk dari Khalīfah Harūn al-Rashīd, telah lama memandang, bahawa adanya Abū Muslim al-Khurāsānī dalam kerajaannya, kelak akan merupakan suatu ancaman dan bahaya besar dirinya dan pemerintahannya. Abū Ja’far al-Manṣūr ini telah menyatakan fikirannya itu kepada kekandanya iaitu Abū al-‘Abbās as-Saffāḥ (Khalīfah pertama Banī ‘Abbās), dan bermaksud untuk menyingkirkan Abū Muslim, akan tetapi sentiasa ditolak oleh Khalīfah Abū al-‘Abbās as-Saffāḥ, kerana mengingat jasanya yang besar kepada kerajaan.

Menjalankan Rancangan

Setelah khalīfah pertama meninggal dunia, dan Abū Ja’far al-Manṣūr menggantikan sebagai khalīfah yang kedua, maka rancangannya yang pertama ialah membinasakan musuhnya. Musuh-musuhnya yang terbesar ialah ‘Abdullah bin ‘Alī (saudara sepupu) dan Abū Muslim al-Khurāsānī. Mula-mula al-Manṣūr memerintahkan Abū Muslim memerangi ‘Abdullah bin ‘Alī yang ketika itu sedang berkuasa di negeri Syam, dan Abū Muslim tiada sedar bahawa dirinya diperalatkan dan akhirnya pula di dalam bahaya.

Pergilah Abū Muslim dengan patuhnya ke negeri Sham memerangi ‘Abdullah bin Alī. Dengan sebab ketangkasannya dalam berperang dan memimpin askarnya, maka bertaburanlah tentera-tentera ‘Abdullah bin ‘Alī dipukulnya, sehingga ‘Abdullah bin ‘Alī melarikan diri ke Basrah.

Setelah sampai berita kemenangan Abū Muslim itu, maka al-Manṣūr telah mengutus orangnya ke Sham untuk menyampaikan perintahnya iaitu semua harta rampasan perang yang didapat oleh Abū Muslim di Sham hendaklah segera dihantarkan semuanya ke Baghdād pusat pemerintahan kerajaan Banī ‘Abbās dan tempat persemayaman khalīfah.

[1] Perkataan sebenarnya ialah al-Khurāsānī
[2] Perkatan sebenarnya ialah sempurna

Setelah perintah khalīfah itu sampai kepada Abū Muslim, barulah penganjur bangsa Parsi itu sedar, bahawa al-Manṣūr tidak percaya lagi kepadanya. Dengan marah Abū Muslim berkata kepada utusan khalīfah yang membawa perintah itu: "Rupanya dalam berjuang, al-Manṣūr adalah seorang pengecut, tetapi dalam perkara harta, bukan main tamaknya. Katakan kepada khalīfah bahawa saya tidak akan kembali lagi ke Baghdād, saya akan kembali ke Khurāsān."

Al-Manṣūr Ketakutan

Setelah utusan mendengar kata-kata itu, ia pun kembali ke Baghdād, menyampaikan apa yang didengarnya. Al-Manṣūr yakin, jika Abū Muslim pulang ke Khurāsān, adalah merupakan suatu bencana yang amat besar baginya, kerana penduduk Khurāsān akan dapat diputar dan dibalikkan oleh Abū Muslim ke bawah pengaruhnya, kerana dia fasih berpidato, pintar dan disegani orang, disamping itu dianya berasal dari sana. Maka dicarilah segala ikhtiar dan daya upaya oleh al-Manṣūr, untuk menghalangi agar Abū Muslim jangan pergi ke Khurāsān, tetapi supaya kembali ke Baghdād. Dikirimnya sepucuk surat yang bunyinya sangat lemah lembut, membujuk Abū Muslim suapaya kembali ke Baghdād. Kerana di masa yang begitu sukar, orang seperti dia sangat mustahak berada di dekat khalīfah.

Setelah memperhatikan surat itu, Abū Muslim membalas dan menyatakan bahawa dia bersedia membatalkan niatnya pergi ke Khurāsān, dengan syarat al-Manṣūr bersedia pula mengubah sikapnya dan menghilangkan rasa cemburu terhadapnya.

Membaca balasan dari surat dari Abū Muslim itu, al-Manṣūr bertambah gentar hatinya, maka dikirimnya surat sekali lagi, membersihkan diri dan menyatakan bahawa dia sekali-kali tiada menaruh cemburu terhadapnya "Masakan kami akan cemburu.... kepada pahlawan perang yang masyhur dan banyak memberi jasa kepada kerajaan ....." demikian di antara kandungan surat al-Manṣūr.

Bujukan

Setelah dihantar, al-Manṣūr mengumpulkan orang-orang cerdik pandai keluarga suku Banī Hāshim yang berada di Kota Baghdād, supaya menulis lagi sepucuk surat memujuk Abū Muslim, supaya dia datang ke Baghdād dan menyesali mengapa dia memberi kenyataan sekeras itu. Surat itu kemudian diserahkan kepada utusan yang bijak bertutur kata dan manis pula mulutnya untuk menarik Abū Muslim datang ke Baghdād.

Sampailah utusan itu ke Sham, diserahkannya surat khalīfah kepada Abū Muslim, dan dipujuknya pahlawan yang gagah berani dan berpengaruh besar itu agar datang ke Baghdād. Mendengar bujukan yang manis-manis itu bergoncang juga pendirian Abū Muslim, lalu ditanyainya sahabatnya Mālik bin Hīsham yang sedang duduk di sebelahnya – adakah baik jika ia pergi atau tidak?

Mālik menasihatkan: "Janganlah tuan hamba pergi ke sana. Sebab sampainya tuan hamba di sana pasti tuan hamba akan dibunuhnya. Lebih baik tuan hamba teruskan niat tuan hamba pergi ke Khurāsān, kerana penduduk Khurāsān bersedia membela jika terjadi apa-apa bahaya.

Nasihat itu mulanya termakan juga oleh Abū Muslim. Lalu ia berkata kepada utusan tadi:

(Sambungan pada muka 31)